

# Jalan rosak undang bahaya

**LEMBAH BERINGIN** - Pekebun di Bukit Belatar di sini kesal dengan struktur keadaan jalan kebun yang berbukit dan rosak sehingga sering mengundang kemalangan dalam kalangan mereka.

Seorang mangsa kemalangan, R Bira Muthu, 66, berkata, dia terpaksa menerima lima jahitan pada tangan kirinya akibat kecederaan setelah tergelincir dari motosikalnya yang sarat dengan muatan getah ketika menuruni salah sebuah bukit di kawasan tersebut.

Menurutnya, ketika kejadian kira-kira jam 10.30 pagi, dia yang menunggang motosikal bersendirian tiba-tiba tergelincir di laluan lecek, berlubang dan curam sehingga tercampak lebih tiga meter menyebabkan kecederaan teruk.

"Kemalangan berlaku pada 14 Oktober lalu, masa itu saya mahu balik rumah dan membawa 45 kilogram getah beku.

"Masa itu baru lepas hujan, jadi jalan licin. Bila saya sudah mahu sampai bawah tiba-tiba tergelincir dan saya terpelanting. Tangan kiri saya



**Bira Muthu (kiri) menceritakan bagaimana keadaan dia terjatuh ketika menuruni jalan curam dan licin di Bukit Belatar sambil diperhatikan Pannirselvam.**

teruk, kaki kiri dan kanan pun cedera," katanya.

Bari Muthu berkata, sejak kejadian itu dia hilang sumber pendapatan kerana tidak dapat menoreh, malah perayaan Deepavali yang semakin hampir dilihat sedikit suram untuk diraikan.

Sementara itu, pekebun, R Pannirselvam, 51, berkata, dia juga pernah tercedera akibat terjatuh dan semua masalah itu gara-gara jalan yang rosak dan tidak pernah dibaiki.

"Bagaimanapun, difahamkan masalah pekebun di kawasan itu bakal berakhir apabila terdapat cadangan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk membaiki jalan tersebut pada Disember ini atau Januari depan," katanya.

Meurutnya, pekebun juga berharap JPS memantau kenderaan yang keluar masuk menggunakan laluan ini apabila siap kelak kerana dibimbangi jalan akan rosak semula jika kenderaan berat melaluinya.